

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PARLIMEN, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci tentang Institut Penyakit Berjangkit Malaysia yang diumumkan akan dibina di Bandar Enstek pada tahun 2022. Nyatakan apakah jenis kaji-selidik, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang bakal dijalankan di sini dan bilakah Institut ini akan mula beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengemukakan permohonan bagi Projek Institut Penyakit Berjangkit Malaysia di dalam *Rolling Plan* (RP) 2, 2022 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

2. Projek Institut Penyakit Berjangkit Malaysia atau *Malaysia Institute for Infectious Disease* (MIID) akan berfungsi sebagai pusat rujukan bagi penyakit berjangkit seluruh negara secara amnya dan wilayah tengah khususnya. Fungsi utama MIID adalah menyediakan perkhidmatan perawatan penyakit berjangkit yang komprehensif dan berperanan sebagai pusat latihan kepakaran dan sub-kepakaran bagi kakitangan kesihatan KKM. Selain itu, MIID juga akan menjalankan kajian dan penyelidikan klinikal berkaitan dengan penyakit berjangkit.

Sekian, terima kasih.